

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]

TARIKH : 16 OKTOBER 2019

SOALAN NO.35

Minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan :-

- (i) meningkatkan loji rawatan pembersihan yang sedia ada di Sandakan memandangkan peningkatan penduduk yang pesat; dan
- (ii) menggantikan sistem kumbahan terus ke marin di Sandakan, Sabah dimana pada masa ini sisa kumbahan tidak dirawat sebelum dibuang terus ke laut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini untuk menerangkan bahawa perkhidmatan pembedungan di negeri Sabah tidak dikawal selia oleh kerajaan Persekutuan di mana Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) tidak digunapakai di negeri Sabah. Justeru, perancangan serta pembangunan perkhidmatan pembedungan di Sabah dilaksanakan oleh pihak kerajaan Negeri melalui Cawangan Pembedungan, Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah.

2. Namun, Cawangan Pembedungan, Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah melalui Jabatan Perkhidmatan Pembedungan (JPP), Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli telah mengemukakan dua (2) permohonan bagi projek **Skim Pembedungan Sandakan Fasa 2 - Tadahan Barat Laut dan Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Dan Rangkaian Paip Pembedungan Di Bandar Sandakan** kepada Kementerian Kewangan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-sebelas (RMKe-11) pada tahun 2020.

3. Skop kerja di dalam pelaksanaan kedua-dua projek ini dapat menyelesaikan isu pembedungan kesan daripada peningkatan penduduk di kawasan Sandakan dan juga isu sisa kumbahan yang dilepaskan terus ke laut.

Sekian, terima kasih.